



IKLAN JAWATAN KOSONG
PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/ OPERASI) GRED N1
MAJLIS SUKAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Warganegara Malaysia yang berkelayakan adalah dipelawa untuk memohon jawatan **Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi) Gred N1** di Majlis Sukan Wilayah Persekutuan. Butiran terperinci mengenai jawatan ini ialah :

1. Jawatan/ Kumpulan/ Skim/ Perkhidmatan

- (a) Jawatan : Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi)
Gred N1
- (b) Jabatan/ Agensi : Majlis Sukan Wilayah Persekutuan
- (c) Klasifikasi Perkhidmatan : Pentadbiran dan Sokongan
- (d) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana

2. Bilangan Kekosongan Jawatan : Satu (1) Jawatan

- 3. Jadual Gaji** : Minimum : RM 1,500.00
: Maksimum : RM 4,680.00

4. Kaedah Pelantikan : Pelantikan Kontrak (*Interim*)

5. Syarat Lantikan

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c) Kelayakan:
 - i. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan (Gaji permulaan ialah pada Gred N1: RM1,500.00); atau
 - ii. Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan. (Gaji permulaan ialah pada Gred N1: RM1,500.00); atau
 - iii. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. (Gaji permulaan ialah pada Gred N1: RM1,561.00); atau

- iv. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred N1: RM1,622.00).

6. Syarat Kelayakan Bahasa Melayu

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

7. Syarat Kelayakan Tambahan

Keutamaan kepada calon yang mempunyai Sijil Kemahiran Rekabentuk Grafik.

8. Deskripsi Tugas

Bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas perkeranian dan operasi di peringkat Kumpulan Sokongan yang merangkumi aspek perkeranian dan operasi (termasuk, tetapi tidak terhad kepada, tugas-tugas pentadbiran am, pengurusan personel, perkhidmatan kaunter dan pemprosesan, pengumpulan data dan maklumat, pengendalian peralatan perhubungan/komunikasi).

9. Cara Memohon

- (a) Permohonan hendaklah dibuat secara ATAS TALIAN sahaja melalui *google form* pautan link: <https://bit.ly/IklanPembantuTadbir>

ATAU

Mengimbas kod berikut pada telefon atau tablet:



(b) Setiap permohonan hendaklah disertakan dengan sekeping gambar berukuran passport, salinan sijil-sijil dan dokumen yang telah disahkan seperti berikut:

- i. Salinan kad pengenalan/MyKad;
- ii. Salinan Sijil Kelahiran pemohon, ibu dan bapa;
- iii. Salinan Sijil Berhenti Sekolah;
- iv. Salinan sijil-sijil persekolahan/akademik; (seperti: SPM/SPMV/SVM/SKM)
- v. Salinan transkrip bagi sijil yang berkenaan;

10. Tarikh Tutup Permohonan : 17 Mac 2025

11. Panggilan Temu Duga

Hanya pemohon yang layak dan melepasi tapisan akan dipanggil temu duga bagi jawatan ini.

12. Perbelanjaan

Majlis Sukan Wilayah Persekutuan tidak akan bertanggungjawab ke atas semua perbelanjaan calon-calon yang akan menghadiri temu duga tersebut.

13. Keputusan

Hanya calon yang **berjaya** dalam urusan temu duga akan dimaklumkan.

Majlis Sukan Wilayah Persekutuan

Tarikh: 11 Mac 2025